



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 1998

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 1998

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi bantuan khas kewangan bagi tahun 1998 kepada anggota sektor awam.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan semua anggota dalam sektor awam. Selaras dengan hasrat ini, Kerajaan telah membuat keputusan memberi bantuan kewangan sebanyak RM400 bagi tahun 1998 untuk meringankan bebanan perbelanjaan persekolahan dan lain-lain bagi anggota dalam sektor awam semasa kegawatan ekonomi negara.

PELAKSANAAN

3. Bantuan khas ini adalah diberi kepada semua anggota dalam sektor awam **yang sedang berkhidmat** kecuali bagi Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau setaraf.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

4. Pegawai berikut tidak layak menerima bantuan khas ini-

4.1 Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tahun 1998;

4.2 Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain dari hukuman amaran.

KADAR

5. Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 1998 telah ditetapkan sebanyak RM400 untuk semua anggota yang layak.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

3 Disember 1998

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan